

# **AL - MAQĀM DAN AL - AḤWĀL DALAM TASAWUF**

Oleh:

Khairunnas Rajab\*

## **Abstract**

*Al-Maqāmāt and al-aḥwāl are two related parallel topics discussed in Sufism. Both are the effort of gaining the spiritual bounties through the process of tazkiyah al-nafs. There are many types of al-Maqāmāt and al-aḥwāl according to Sufis' spiritual experiences such as tawbah, zuhd, ṣabr, tawakkal, riḍā, maḥabbah, khawf, tawaddu', taqwā, ikhlās, shukr dan ma`rifah. The Sufis can only achieve these types of al-Maqāmāt and al-aḥwāl after their journey in takhalliyah al-nafs, taḥalliyah al-nafs and tajalliyah al-nafs.*

## **PENDAHULUAN**

Sufisme atau tasawuf mengandung nilai-nilai spiritual yang tinggi. Ia berusaha membina dan membangun psikologi dan pribadi Islam melalui *takhalliyah al-nafs*, *taḥalliyah al-nafs* dan *tajalliyah al-nafs*. Tasawuf merupakan *maqām* dalam mencapai kejernihan, kebersihan dan kesucian hati (*tazkiyah al-nafs*). Apabila tasawuf dilaksanakan dengan sempurna maka ia boleh menghasilkan keperibadian Islam dan kesihatan mental. *Maqām* dan peringkat-peringkat perjalanan dalam tasawuf adalah seperti *tawbah*, *zuhd*, *ṣabr*, *tawakkal*, *riḍā*, *maḥabbah*, *khawf*, *tawaddu'*, *taqwā*, *ikhlās*, *shukr* dan *ma`rifah*.

## **AL-MAQĀMĀT DALAM SUFISME**

*Tazkiyyah al-nafs* dalam tasawuf sering dikaitkan dengan penyucian jiwa, pembersihan hati, penjernihan dan pembeningan hati serta penyelarasan hubungan antara manusia dengan Tuhannya. Langkah *tazkiyyah al-nafs* ini boleh difahami sebagai suatu usaha integrasi diri dengan terjalannya hubungan

---

\* Khairunnas Rajab, PhD adalah pensyarah di Universitas Islam Negeri SUSKA, Riau, Indonesia.

baik antara individu dengan orang lain dan alam lingkungan seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Dalam tasawuf, *tazkiyyah al-nafs* merupakan satu metode untuk *bertaqarrub* atau mendekati diri kepada Tuhan melalui proses dan latihan-latihan rohani tertentu.

*Tazkiyyah al-nafs* adalah proses beralihnya jiwa yang kotor, ternoda dan tercemar menjadi jiwa yang suci lagi menyucikan, peralihan daripada keadaan yang tidak menurut syariat kepada keadaan yang menempati syariat, daripada hati yang kafir menjadi hati yang mukmin, daripada munafik menuju sifat jujur, amanah dan *fatānah*, kebakhilan bertukar kepada pemurah, sifat dendam berganti dengan pemaaf, *tawaddu`*, *tawakkal* serta terkawal.<sup>1</sup>

Kebersihan jiwa akan membawa kepada kondisi batiniah yang bebas daripada nilai-nilai negatif yang tergambar dalam tingkah laku. Tahap ukuran yang bebas daripada nilai-nilai negatif tersebut dicernakan melalui setiap perbuatan yang disukai dan dicintai oleh masyarakat sekeliling serta diredai Allah SWT.<sup>2</sup> Ajaran-ajaran sufi mengandungi proses, cara dan aplikasi nilai yang bertujuan untuk membersihkan diri sama ada secara zahir mahupun batin. Para sufi menyebutnya sebagai *al-maqāmāt* dan *al-aḥwāl*. Allah Ta'ala berfirman yang bermaksud:

*“Pada malam, hendaklah engkau bertahajjud (berjaga untuk solat malam) sebagai tambahan untuk engkau, mudah-mudahan Tuhan mengangkat engkau ke tempat terpuji.”*<sup>3</sup>

Seseorang sufi yang menjalani proses *al-maqāmāt* ini akan merasa dekat dengan Tuhan dan hatinya menjadi tenang, tenteram dan damai. *Al-maqāmāt* juga ditakrifkan sebagai usaha pra-kondisional berupa amalan-amalan lahir dan batin, seperti *tawbat*, *zuhd*, *ṣabr*, *tawakkal*, *maḥabbah* dan *ma`rifah*.<sup>4</sup> Amalan-amalan itu kemudiannya dijadikan sufi sebagai *maqām* dalam *tazkiyyah al-nafs*. *Maqām* yang terdapat dalam tasawuf tersebut merupakan

<sup>1</sup> Said Hawwa' (1988), *Tarbiyah al-Ruhaniyyah*, (terj. Khairul Rafie), Bandung: Pustaka Mizan, h.79.

<sup>2</sup> Ibn Miskawayh (1961), *Tahdhīb al-Akhlāq*, Beirut: Maktabah al-Ḥayāt, h. 114.

<sup>3</sup> Al-Isrā' 17:79.

<sup>4</sup> Terjadi polemik tentang tingkatan-tingkatan *maqām* menurut para sufi. Umpamanya al-Kalābādhī meletakkan urutan *maqām* sebagaimana di bawah ini: *tawbah*, *zuhd*, *ṣabr*, *faqīr*, *tawaddū`*, *tawakkal*, *riḍā*, *maḥabbah*, dan *ma`rifah*. Abū Naṣr al-Sarrāj al-Ṭūsī menyebut dalam *al-Luma`* sebagai berikut: *tawbah*, *warā`*, *zuhd*, *faqīr*, *ṣabr*, *tawakkal*, *riḍā*. Al-Ghazālī dalam *Iḥyā' `Ulūm al-Dīn* menyebutkan: *tawbah*, *ṣabr*, *zuhd*, *tawakkal*, dan *riḍā*. Lihat Harun Nasution (1993), *Falsafat dan Mistisime dalam Islam*. Jakarta: Pustaka Bulan Bintang, h. 2.

satu peringkat perjalanan kerohanian yang mempunyai peraturan-peraturan tertentu yang mesti ditaati agar selalu dekat dengan Tuhan, mendapat kecintaan dan keredaan daripadaNya.

Hasil daripada ketaatan-ketaatan seorang sufi dalam menjalani *maqāmāt* adalah kehidupan yang positif, terutamanya terhadap kondisi batin. Seorang sufi akan merasa *khawf* (khuatir), *tawaddū*, *taqwā* (pemeliharaan diri), ikhlas (tidak mencampuri amalannya dengan nilai-nilai kebendaan selain Allah), *shukr* (berterima kasih kepada Tuhan), dan *mutma'innah* (ketenteraman) akan melahirkan integrasi diri, antara diri dengan orang lain dan diri dengan alam lingkungannya serta memperoleh perlindungan dan pengawalan (*muḥāsabah*) daripada Allah sebagai Pencipta.

Dengan erti kata lain, *maqām* didefinisikan sebagai suatu tahap adab (etika) kepadaNya dengan bermacam usaha diwujudkan untuk satu tujuan pencarian dan ukuran tugas masing-masing yang berada dalam tahapnya sendiri ketika dalam kondisi tersebut, serta tingkah laku *riyāḍah* (*exercise*) menuju kepadanya.<sup>5</sup> Seorang sufi tidak dibenarkan berpindah ke suatu *maqām* lain, kecuali setelah menyelesaikan syarat-syarat yang ada dalam *maqām* tersebut. Tahap-tahap atau tingkat-tingkat *maqām* ini bukannya berbentuk yang sama di antara ahli-ahli sufi, namun mereka bersependapat bahawa tahap permulaan bagi setiap *maqām* ialah *tawbah*.

Rentetan amalan para sufi tersebut di atas akan memberi kesan kepada kondisi rohani yang disebut sebagai *al-ahwāl* yang diperoleh secara intuitif dalam hati secara tidak langsung sebagai anugerah daripada Allah semata-mata, daripada rasa senang atau sedih, rindu atau benci, rasa takut atau sukacita, ketenangan atau kecemasan secara berlawanan dalam realiti dan pengalaman dan sebagainya.<sup>6</sup> *Al-Maqāmāt* dan *al-ahwāl* adalah dua bentuk kesinambungan yang bersambungan dan bertalian daripada kausaliti (sebab akibat) amalan-amalan melalui latihan-latihan (*exersice*) rohani.

Ajaran sufi berkenaan *maqāmāt* dan *ahwāl* memiliki hierarki yang tertib. Para ahli sufi meletakkan tingkatan yang berbeza di antara satu sama lain yang mesti diikuti oleh seorang *sālik* (pengikut ajaran tasawuf). Namun perbezaan itu tidaklah dijadikan suatu perdebatan di antara pengamal-pengamal ajaran tasawuf itu kerana mereka masing-masing memahami bahawa penentuan hierarki tersebut adalah berdasarkan pengalaman kesufian mereka tersendiri. Tingkatan *maqāmāt* yang popular di kalangan sufi adalah sebagai berikut:

<sup>5</sup> Imam al-Qusyairy al-Naisaburi (1999), *Risalah Qusyairiyah*, (terj.) Lukman Hakim, Surabaya: Risalah Gusti, h. 23.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h.24.

## 1. *Maqām Tawbah*

*Tawbah* merupakan tindakan permulaan dalam peraturan ajaran tasawuf. Pada tahap *tawbah* ini seorang sufi membersihkan dirinya (*tazkiyyah al-nafs*) daripada perilaku yang menimbulkan dosa dan rasa bersalah. *Tawbah* juga merupakan sebuah terma yang dikembangkan para *sālikīn* (orang-orang menuju Tuhan) untuk mencapai *maqāmāt* berikut yang akan diuraikan selepas ini.

*Tawbah* itu sendiri mengandungi makna “kembali”; dia bertawbah bererti dia kembali. Jadi *tawbah* adalah kembali daripada sesuatu yang dicela oleh Syara’ menuju sesuatu yang dipuji olehnya.<sup>7</sup> Al-Junayd al-Baghdādī seorang ahli sufi<sup>8</sup> pernah ditanya tentang *tawbah*. Dia menjawab: “*Tawbah* adalah menghapuskan dosa seseorang.” Pertanyaan yang sama juga diajukan kepada Sahl al-Tustārī seorang ahli sufi katanya: “*Tawbah* bererti tidak melupakan dosa seseorang”.<sup>9</sup> *Tawbah* menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah pula adalah “kembalinya seseorang hamba kepada Allah dengan meninggalkan jalan orang-orang yang dimurkai Tuhan dan jalan orang-orang yang tersesat. Dia tidak mudah memperolehnya kecuali dengan hidayah Allah agar dia mengikuti *ṣirāt al-mustaqīm* (jalan yang lurus)”.<sup>10</sup> *Tawbah* itu sendiri tidak sah kecuali dengan menyedari dosa tersebut mengakui dan berusaha mengatasi akibat-akibat daripada dosa yang dilakukan. Menurut pengertian lain *tawbah* juga bererti “bangunnya psikologi manusia yang melahirkan kesedaran terhadap segala kekurangan atau kesalahannya dan menetapkan tekad dan azam yang disertai dengan amal perbuatan untuk memperbaikinya”.<sup>11</sup>

*Tawbah* pada prinsipnya adalah usaha untuk memahami diri terhadap kealpaan yang kemudian diisi dengan pengalaman, pengawalan dan pembinaan yang konstruktif daripada perilaku kotor yang tidak bermaruah kepada yang baik, daripada melakukan dosa dan maksiat kepada perbuatan

---

<sup>7</sup> *Ibid.*, h.79.

<sup>8</sup> Ali Ibn Uthman al-Hujwiri (1993), *The Kasyful Mahjub: the Oldest Persian Treatise and Sufi*, (terj.) Suwarjo Matori, Bandung: Pustaka Mizan, h. 124.

<sup>9</sup> Ibn Abi Ishaq Muhammad Ibn Ibrahim Ya`qub al-Bukhari al-Kalabadhi (1998), *al-Ta`arruf li Maḍhhab Ahl al-Tasawuf*, (terj.) Rahmani Astuti, Bandung: Pustaka Mizan, h.124.

<sup>10</sup> Ibn al-Qayyim al- Jauziyyah (1998), *Madarij al-Salikin Bain Manazil Iyyaka Na`bud wa Iyyak Nasta`in*, (terj.) Kathur Sukardi, Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, h. 97.

<sup>11</sup> M. Khatib Quzwain (t.t), *Mengenal Allah: Suatu Pengajian Mengenai Ajaran Tasawuf Syaikh Abdul Samad Al-Palimbani*. Jakarta: Pustaka Bulan Bintang, h. 79.

yang mendatangkan pahala, kecintaan dan keredhaan daripada Allah SWT. Allah berfirman yang bermaksud:

*“Bertawbahlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman usaha kamu beruntung.”*<sup>12</sup>

*“Allah menyukai orang-orang yang bertawbah dan menyucikan dirinya.”*<sup>13</sup>

*“Barangsiapa yang tawbah sesudah aniaya dan memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah menerima tawbahnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*<sup>14</sup>

*“Apa tidakkah mereka bertawbah kepada Allah dan meminta ampun kepadaNya? Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*<sup>15</sup>

*“Tuhanmu telah menetapkan atas diriNya akan memberikan rahmat. Sesungguhnya sesiapa mengerjakan kejahatan di antaramu, sebab kejahilannya (tiada berilmu), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*<sup>16</sup>

*“Barang siapa yang tawbah dan beramal soleh maka sesungguhnya dia bertawbah kepada Allah sebenar-benar tawbah.”*<sup>17</sup>

*“Adapun orang yang bertawbah dan beramal soleh maka mudah-mudahan dia termasuk orang-orang yang menang.”*<sup>18</sup>

*“Hai orang-orang yang beriman, tawbahlah kau kepada Allah dengan tawbah nasuha (sebenar-benar tawbah). Mudah-mudahan Tuhanmu mengampuni kesalahanmu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir sungai di bawahnya.”*<sup>19</sup>

Dalam usaha *tazkiyyah al-nafs*, *tawbah* merupakan tahap permulaan menuju Tuhan. Tanpa *maqām tawbah* tahap berikutnya tidak dapat dicapai. Para ulama’ salaf memulakan amalannya dengan bertawbah kerana *tawbah* adalah suatu usaha membersihkan diri manusia daripada kesalahan

---

<sup>12</sup> Al-Nūr 24:31.

<sup>13</sup> Al-Baqarah 2:222.

<sup>14</sup> Al-Mā'idah 5:39.

<sup>15</sup> Al-Mā'idah 5:74.

<sup>16</sup> Al-An`ām 6:54.

<sup>17</sup> Al-Furqān 25:71.

<sup>18</sup> Al-Qaşāş 28:67.

<sup>19</sup> Al-Taḥrīm 66:8.

dan maksiat dengan ikrar bahawa mereka meninggalkan maksiat, menyesali perbuatan jahat di masa lalu dan bertekad tidak akan mengulangi kekeliruan tersebut.<sup>20</sup>

Menyesali pelanggaran-pelanggaran masa lalu itu bererti berjanji kepada diri untuk tidak mengulangi kesalahan serupa dan perbuatan ini secara tidak langsung akan memberi kesan positif kepada jiwa mereka. Bagi seorang sufi penyesalan itu menjadi syarat penting dalam pensyaratan *tawbah*. *Maqām tawbah* yang diisi dengan penyesalan akan melenyapkan perbuatan keliru dan jahat dengan menukarnya menjadi amalan yang baik dan terpuji. *Tawbah* itu merupakan kebangkitan hati dari perbuatan-perbuatan jahat kepada perbuatan-perbuatan baik. Apabila tindakan kesedaran secara aplikatif mewarnai kehidupan sufi nescaya akan muncul keinginan untuk bertawbah, beriman dan beramal soleh. *Tawbah* secara aplikatif tersebut dapat dilakukan dengan cara memisahkan diri daripada orang-orang yang berbuat jahat kerana mereka akan mendorong untuk mengingkari tujuan ini dan keraguan atas lurusnya niat yang telah diperteguhkan. Keteguhan ini harus dilandasi dengan rasa keimanan yang kukuh melalui syahadat (*ashhad an lā ilāha illā Allāh wa ashhad anna Muḥammad Rasūl Allāh*). Dengan demikian ia akan menghentikan perbuatan-perbuatan terlarang dan mengendalikan supaya tidak menurut hawa nafsu.

Jalan spiritual melalui *tawbah* dapat memisahkan diri daripada kecenderungan berperilaku jahat dengan mendekatkan hati kepada iman dan amal soleh. *Tawbah* hakiki merupakan ketaatan dan integrasi diri di mana ia akan meninggalkan dan melepaskan diri daripada ikatan-ikatan yang dapat mengongkong hati ke arah perilaku negatif. Inilah yang dimaksudkan dengan *tawbah* nasuha.

Al-Wāṣiti<sup>21</sup> seorang ahli sufi menyebut *tawbah* sejati sebagai *tawbah* tidak membiarkan sisa pengaruh maksiat bersarang dalam dirinya baik secara batin mahupun zahir.<sup>22</sup> Yaḥyā Ibn Mu`ādh<sup>23</sup> seorang ahli sufi pernah mengatakan: “satu penyelewengan sahaja sesudah bertawbah lebih buruk ditimbang sebanding tujuh puluh penyelewengan sebelum bertawbah”. Pernyataan Yaḥyā Ibn Mu`ādh lebih mendekati pengertian pada makna *tawbah* sejati yang menjadi perisai bagi orang yang bertawbah agar mereka secara berterusan dan teguh dalam *tawbahnya*. Oleh kerana itulah para sufi

---

<sup>20</sup> Abdul Halim Mahmud (t.t), *Hal-Ehwal Tasawuf*. (trj.). Indonesia: Darul Ihya, h.233.

<sup>21</sup> Lihat al-Hujwiri (1993), *op.cit.*, h.146.

<sup>22</sup> Imam al-Qusyairy al-Naisaburi (1999), *op.cit.*, h.83.

<sup>23</sup> Lihat al-Hujwiri (1993), *op.cit.*, h. 119.

menetapkan persyaratan *tawbah* dengan harapan tidak akan tergelincir semula ke dalam perkara-perkara kepada hal-hal yang mendatangkan kemudharatan dan dosa. Sementara itu *tawbah* sendiri memiliki rahsia yang amat penting.

Antara lain:

- i. Memisahkan ketakutan daripada kemuliaan iaitu *tawbah* itu harus dimaksudkan sebagai wujud ketakutan kepada Allah Ta'ala, melaksanakan perintah dan menjauhi laranganNya. Dia juga harus meninggalkan kederhakaan kepadaNya berdasarkan cahaya Ilahi yang akan menyelamatkan daripada seksaannya. Sesiapa yang bertawbah dengan maksud mencari kemuliaan, maka *tawbah*nya menjadi sia-sia belaka;
- ii. Melupakan dosa dan kesalahan merupakan tanda yang baik apabila dilakukan pada saat memperoleh kurnia, keberkatan dan rahmat daripada Allah Ta'ala. Hatinya dipenuhi rasa cinta kepada Allah, kerinduan untuk bersua denganNya dan merasakan kemanisan bersama denganNya;
- iii. Tawbah daripada *tawbah* merupakan sambungan daripada *tawbah* yang dilakukan. Mengingati dosa masa silam setelah bertawbah adalah perwujudan daripada *tawbah* itu sendiri. Pada dimensi ketiga ini seorang sufi akan tetap menghindarkan diri daripada perbuatan buruk dan tercela, ia tidak akan mengulangi perbuatan yang buruk tersebut kerana dia tahu bahawa itu adalah dosa di atas dosa.<sup>24</sup> Tiga rahsia *tawbah* yang telah dipaparkan di atas menjadi simbol bagi makna *tawbah* secara hakiki dan aplikatif (teori dan praktik).

## 2. *Maqām Zuhd*

Secara terminologi *zuhd* ialah mengarahkan keinginan kepada Allah SWT, menyatukan kemahuan kepadaNya dan sibuk denganNya berbanding kesibukan-kesibukan lainnya agar Allah memerhati dan memimpin seorang *zāhid* (orang yang berperilaku *zuhd*).<sup>25</sup> Al-Junayd al-Baghdādī mengatakan: “*Zuhd* adalah ketika tangan tidak memiliki apa-apa pun dan pengosongan hati daripada cita-cita”. Di sini seorang sufi tidak memiliki sesuatu yang berharga melainkan Tuhan yang dirasakannya dekat dengan dirinya. Sebagaimana juga Yahyā ibn Mu'ādh menyatakan bahawa *zuhd* adalah meninggalkan apa yang mudah ditinggalkan.<sup>26</sup>

---

<sup>24</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *op.cit.*, h. 40-41.

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Al-Kalabadi (1998), *op. cit.*, h.115.

Seorang sufi meninggalkan harta benda dan kemewahan duniawi untuk menuju Tuhan yang dicintai. Menurut Imam al-Ghazālī bahawa hakikat *zuhd* adalah “meninggalkan sesuatu yang dikasihi dan berpaling daripadanya kepada sesuatu yang lain yang terlebih baik daripadanya kerana menginginkan sesuatu di dalam akhirat”.<sup>27</sup> Seiring dengan pernyataan al-Ghazālī, Ibn Taymiyyah pula berkata bahawa *zuhd* itu bererti meninggalkan apa-apa yang tidak bermanfaat untuk kepentingan akhirat.<sup>28</sup>

Daripada pelbagai pengertian yang dikemukakan tergambar sebuah kesinambungan pola pemikiran dalam bentuk sedikit berbeza. Namun demikian *zuhd* seperti yang dipaparkan boleh menjadi kerangka acuan untuk menelaah *zuhd* sebagai salah satu *maqām* dalam tasawuf. Definisi yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazālī dan Syaikh al-Islām Ibn Taymiyyah misalnya merupakan penetapan atas pendekatan diri seorang hamba bersama Tuhan dan hamba melihat sesuatu yang mengandungi nilai signifikan terhadap ketaatan dirinya untuk kepentingan akhirat. Pernyataan yang agak berbeza adalah ungkapan al-Junayd al-Baghdādī dan Yahyā ibn Mu`ādh serta Ibn Qayyim al-Jawziyyah. Mereka ini lebih memandang *zuhd* sebagai satu kepentingan dalam mewujudkan cinta kepada Tuhan kerana Tuhan bagi seorang *zāhid* adalah harapan untuk mendapatkan Keredaannya. Allah berfirman yang bermaksud:

*“Mereka menjual Yusuf dengan harga murah, beberapa dirham sahaja, sedang mereka itu orang yang zuhd (kurang suka) kepadanya.”*<sup>29</sup>

Kandungan *zuhd* membangkitkan semangat spiritual yang tinggi. Pengabdian serupa itu membawa *zāhid* kepada *‘ubūdiyyah* yang sarat dengan muatan kecintaan dan keredaan daripada Allah. Maka kebiasaannya seorang *zāhid* menahan jiwanya daripada pelbagai bentuk kenikmatan dan kelazatan hidup duniawi, menahan daripada dorongan nafsu yang berlebihan agar memperoleh kebahagiaan yang abadi. Seorang *zāhid* juga mengikis habis nilai yang akan menghalangnya untuk memperoleh rahmat dan kelazatan hidup di bawah naungan Tuhan. Kecintaan kepada Tuhan mengalahkan segala alternatif yang mendorong kepada *ḥubb al-shahwāt* (cinta untuk menuruti hawa nafsu). Perasaan naluri memberi kesaksian ke atas kecintaan, kedamaian dan kebahagiaan hubungan dengan Rabb ketika ia lebih mengutamakan kebenaran berbanding dorongan hawa nafsu.<sup>30</sup>

<sup>27</sup> Qāsim al-Ḥalabī, *al-Sayr wa al-Suluk Ilā Mālik al-Muluk*, Jakarta, Naskah Perpustakaan Nasional Musium Pusat, No.CCCTX IV, h.88.

<sup>28</sup> Ibn al-Qayyim (1998), *op.cit.*, h.148.

<sup>29</sup> Yūsuf 12:21.

<sup>30</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *Tāriqah*, *op.cit.*, h.308



Ḥasan al-Baṣrī seorang tokoh sufi zaman awal Islam dalam suatu kesempatan mengatakan: “Jauhilah dunia ini kerana dia sebenarnya sama dengan ular, licin pada rasa tangan tetapi racunnya membunuh”.<sup>31</sup> Pelbagai polemik telah terjadi dalam membincangkan kepentingan *zuhd*. Ada yang memandangnya sebagai hal yang bersifat ukhrawi sehingga segala aktivitiya berhubung dengan akhirat sahaja. Bahkan ada juga yang melihat *zuhd* sebagai kehidupan *faqīr* dengan memakan makanan kasar (tidak mementingkan kesihatan) atau memakai pakaian kusam dan kasar. Ulama’ salaf seperti Sufyān al-Thawrī, Aḥmad ibn Ḥanbal, ‘Īsā ibn Yūnus dan lain-lainnya menegaskan bahawa *zuhd* di dunia bererti membatasi angan-angan dan keinginan.<sup>32</sup>

*Zuhd* sebenarnya bukanlah mengharamkan yang halal atau sebaliknya juga bukan membenci kekayaan duniawi tetapi ia menjadi perisai agar tidak terpesong dan menafikan hal-hal yang penting daripada Islam (menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenarnya). Namun demikian persoalan *zuhd* tetap menampung perbezaan dalam satu kesatuan yang utuh dengan meletakkan posisi Rabb pada tempat yang tetap sebagai objek daripada kecintaan dan harapan keredhaanNya.

Untuk mengkaji makna *zuhd* ianya dapat dibezakan kepada tiga peringkat yang meliputi:

- i. *Zuhd* dalam *shubhat* setelah meninggalkan yang haram kerana tidak menyukai celaan di mata Allah, tidak suka kepada kekurangan dan tidak suka bergabung dengan orang-orang fasiq. *Zuhd* dalam *shubhat* bermakna meninggalkan hal-hal yang meragukan, apakah sesuatu itu halal atau haram dalam pandangan *zāhid*. Contohnya, *shubhat* merupakan pembatas seperti kematian dan kehidupan sesudahnya yang menjadi pembatas antara dunia dan akhirat, kederhakaan yang menjadi pembatas antara iman dan kufur;
- ii. *Zuhd* dalam perkara-perkara yang berlebihan iaitu sesuatu yang lebih daripada kelaziman dengan melepaskan kerisauan hati dan dengan mencontohi para nabi dan *ṣiddīqīn*. Contohnya teladan doa dalam aspek makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan lain-lainnya. Jika sufi memenuhi teladan ini untuk menambah kekuatan dalam melakukan hal yang dicintai dan diredai Allah dan menjauhi yang dimurkaiNya, maka itu dinamakan sebagai mengisi waktu sekalipun dia mendapat kenikmatan kerana menggunakan hal tersebut;

---

<sup>31</sup> Harun Nasution (1995), *Falsafah dan Mistisisme Dalam Islam*. Jakarta: Pustaka Bulan Bintang, h. 67.

<sup>32</sup> Imam al-Qusyairi al-Naisaburi (1999), *op.cit.*, h. 112.

- iii. *Zuhd* dalam *zuhd* yang dapat dilakukan dengan tiga cara iaitu menghina perbuatan *zuhd*, menyeimbangkan keadaan ketika mendapat dan meninggalkan sesuatu dan ingin memperoleh balasan. Orang yang memenuhi hatinya dengan kecintaan kepada Allah tidak layak melihat keduniaan yang ditinggalkannya sebagai suatu pengorbanan.<sup>33</sup> Sebagaimana seorang sufi, oleh kerana kecintaannya kepada Allah, maka seorang ahli sufi beribadah dan meninggalkan perkara-perkara lain seperti kepentingan dan kemewahan dunia dengan tujuan untuk mencapai kecintaan Allah Ta'ala.

*Zuhd* dalam realiti spiritual Islam menjadi rumpun dan asas yang kukuh. Tanpa *zuhd* nilai spiritual dalam tahap sufi terasa tidak bererti kerana *zuhd* sendiri merupakan hal yang utama dalam *maqāmāt* tasawuf.

### 3. *Maqām Ṣabr*

*Sabr* bukanlah sesuatu yang harus diterima seadanya, bahkan *ṣabr* adalah usaha kesungguhan yang juga merupakan sifat Allah yang sangat mulia dan tinggi. *Sabr* ialah menahan diri dalam memikul sesuatu penderitaan baik dalam sesuatu perkara yang tidak diingini mahupun dalam kehilangan sesuatu yang disenangi.<sup>34</sup> Menurut Imām Aḥmad ibn Ḥanbal perkataan *ṣabr* disebut dalam al-Qur'an pada tujuh puluh tempat. Menurut ijma' ulama', *ṣabr* ini wajib dan merupakan sebahagian daripada *shukr*.<sup>35</sup> *Sabr* dalam pengertian bahasa adalah "menahan atau bertahan". Jadi *ṣabr* sendiri adalah "menahan diri daripada rasa gelisah, cemas dan marah, menahan lidah daripada keluh kesah serta menahan anggota tubuh daripada kekacauan".<sup>36</sup>

*Sabr* juga merupakan sikap jiwa yang ditampilkan dalam penerimaan sesuatu baik berkenaan dengan penerimaan tugas dalam bentuk suruhan dan larangan mahupun dalam bentuk perlakuan orang lain serta sikap menghadapi sesuatu musibah.<sup>37</sup> *Sabr* merupakan sifat yang secara holistik harus dimiliki oleh seorang sufi. *Sabr* sendiri tidak mengenal bentuk ancaman dan ujian. Seorang sufi semestinya berada dalam ketabahan dan kesabaran yang utuh. *Sabr* mempunyai nilai psikologi iaitu setelah seorang sufi menjalani *maqām zuhd* sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini dan dia

<sup>33</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *op.cit.*, h. 149-151.

<sup>34</sup> M. Khatib Quzwain (t.t), *op.cit.*, h.90.

<sup>35</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *op.cit.*, h.203.

<sup>36</sup> *Ibid.*, h.26.

<sup>37</sup> KH. Muslim Nurdin (1993), *Moral dan Kognisi Islam*. Bandung: Pustaka al-Fabeta, h. 239.

boleh memperkuat nilai-nilai *zuhd* tersebut. Allah menghuraikannya dalam firmanNya yang bermaksud:

*“(Kisah Nuh) itu adalah perkhabaran ghaib, Kami wahyukan kepada engkau (ya Muhammad), sedang engkau tidak mengetahuinya dan tidak pula kaummu sebelum ini. Sebab itu bersabarlah. Sesungguhnya akibat (yang baik) itu bagi orang-orang yang bertaqwā.”*<sup>38</sup>

*“Hendaklah engkau bersabar, kerana sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan.”*<sup>39</sup>

*“Sabarlah engkau (ya Muhammad) dan tiadalah kesabaran engkau itu, melainkan dengan (pertolongan) Allah, dan janganlah engkau berduka cita terhadap mereka itu dan jangan pula sempit hati (keluh kesah) disebabkan mereka.”*<sup>40</sup>

*“Hai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah orang (membuat) yang ma`rūf (yang baik) dan laranglah (membuat) yang mungkar (haram), serta sabarlah atas cubaan yang menimpa engkau. Sesungguhnya demikian itu pekerjaan yang dicita-citakan.”*<sup>41</sup>

*“Kesabaran harus diaplikasikan dengan baik dan indah. Maka sabarlah engkau dengan kesabaran yang indah.”*<sup>42</sup>

*“Sabar itu harus selalu diiringi dengan solat sebagai meminta tolong padaNya. Minta tolonglah kamu kepada Allah dengan kesabaran dan (mengerjakan) solat, dan sesungguhnya solat itu amat berat, kecuali bagi orang-orang yang tunduk (kepada) Allah.”*<sup>43</sup>

*“Musa berkata kepada kaumnya: Mintalah pertolongan kepada Allah dan sabarlah, sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah, diberikanNya kepada siapa yang dikehendakiNya di antara hamba-hambaNya. Akibat yang baik itu adalah bagi orang-orang yang berbuat kebaikan.”*<sup>44</sup>

Pada prinsipnya, sabar itu adalah mengingati janji Allah SWT yang akan memberi balasan yang setimpal bagi siapa sahaja yang teguh dalam kesabaran

---

<sup>38</sup> Hūd 11:49.

<sup>39</sup> Hūd 11:115.

<sup>40</sup> Al-Naḥl 16:127.

<sup>41</sup> Luqmān 31:17.

<sup>42</sup> Al-Ma`ārij 70: 5.

<sup>43</sup> Al-Baqarah 2:45.

<sup>44</sup> Al-A`rāf 7: 128.

dan dapat pula menahan diri daripada kemahuan dan kecenderungan menuruti hawa nafsu terhadap perkara-perkara yang diharamkan Allah SWT. Seorang yang sabar akan tetap berwaspada daripada pelbagai pengaruh negatif yang mengakibatkan dirinya jatuh ke lembah maksiat. Mereka mengamalkan pelbagai bentuk ketaatan yang dirasakan sangat berat bagi dirinya dan mereka juga selalu ingat bahawa setiap musibah yang menimpanya merupakan takdir daripada Tuhannya dan akan berserah (*tawakkal*) kepadaNya.<sup>45</sup>

Peraturan ketaatan yang ada dalam *ṣabr*, menjadi tunggak lahirnya kepatuhan, integriti dan jati diri yang tabah, gigih dan tegas. Seorang sufi dalam menempuh hidupnya berada dalam *tawakkal* dan rasa *shukr* yang amat dalam. Ia memandang cubaan, ujian dan musibah sebagai sesuatu yang indah dan baik bahkan mereka menyebutnya sebagai rahmat Allah atas hambaNya. Penderitaan, kecaman dan kecemasan dapat memadamkan nyalaan kekuatan tabiat dan menghidupkan kekuatan rohani yang menyebabkan kekuatan batin. Oleh kerana itu, kesabaran dijadikan sesuatu yang menghasilkan pancaran yang merupakan campuran cahaya dengan kegelapan.<sup>46</sup>

Seseorang yang berusaha memiliki sifat *ṣabr* adalah usaha bagi mempraktikkan "*tarbiyyah al-rūḥāniyyah*" dengan meneladani sifat Rasulullah s.a.w yang *ulū al-'azmī*. Tahap kesabaran dalam bentuk ketaatan adalah lebih tinggi darjatnya berbanding dengan kesabaran dalam menjauhi larangan Allah. *Sabr* dalam ketaatan memiliki makna esoterik yang radikal di mana di dalamnya tergambar kesungguhan dan teladan yang sangat disukai Allah SWT. Namun *ṣabr* dalam menjauhi laranganNya tidak kalah pentingnya kerana ia merupakan kemaslahatan yang akan menghiasi seseorang Muslim sehingga ia boleh meninggalkan pelbagai.

Untuk mengklasifikasikan makna dan darjat kesabaran maka *ṣabr* dapat dibahagikan kepada tiga darjat iaitu:

- i. *ṣabr* dalam menghindari kederhakaan dengan memerhatikan peringatan tetap teguh keimanan dan waspada hal yang haram dan menghindari kederhakaan kerana malu;
- ii. *ṣabr* dalam ketaatan dengan menjaga ketaatan itu secara terus menerus, memeliharanya dengan keikhlasan dan berdasarkan ilmu;

---

<sup>45</sup> Ahmad Musthafa al-Maraghi (1985), *Tafsir al-Maraghi I*, (terj.) Bahrun Abu Bakar, Semarang: Pustaka Toha Putra, h. 180-181.

<sup>46</sup> Shadr al-Din al-Qanani (1998), *Syarh Arba'in Haditsan*, (terj.) Irwan Kurniawan, Jakarta: Pustaka Lentera, h. 54.

- iii. *ṣabr* dalam musibah dengan memperhatikan pahala yang baik, menunggu rahmat datang, menganggap musibah sebagai remeh dan menghitung nikmat-nikmat masa lampau.<sup>47</sup>

Kesabaran tidak pernah luput daripada ujian dan cubaan. Kesabaran belum dianggap sempurna sekiranya seseorang manusia itu belum diuji dan diturunkan kepadanya suatu musibah. Keteguhan, keikhlasan dan ketaatan adalah modal utama dalam realiti kesabaran dalam peringkat mana pun.

#### 4. *Maqām Tawakkal*

Dalam pergaulan sehari-hari, sering didengar dan dijumpai ucapan-ucapan bahawa kita bertawakkal kepada Allah SWT. Makna daripada *tawakkal* di sini adalah menyerahkan diri seutuhnya kepada Tuhan setelah berusaha bersungguh-sungguh. Secara harfiah *tawakkal* bererti bersandar atau mempercayai diri. Apabila dikembangkan etimologinya *tawakkal* bermakna mempercayai diri secara utuh tanpa keraguan. Namun *tawakkal* yang dimaksudkan dalam masalah ini adalah *tawakkal* yang disandarkan kepada agama Islam. Maka *tawakkal* itu adalah bersandar dan mempercayai dan menyerahkan diri kepada Allah SWT.

*Tawakkal* adalah kepercayaan dan penyerahan diri kepada takdir Allah dengan sepenuh jiwa dan raga. Dalam tasawuf, *tawakkal* ditafsirkan sebagai suatu keadaan jiwa yang tetap berada selamanya dalam ketenangan dan ketenteraman baik dalam keadaan suka mahupun duka. Dalam keadaan suka diri akan bersyukur dan dalam keadaan duka akan bersabar serta tidak resah dan gelisah.<sup>48</sup> Sari al-Saqāṭi<sup>49</sup> mengatakan: “*Tawakkal* adalah pelepasan daripada kekuasaan dan kekuatan, tidak ada kekuasaan dan kekuatan apa pun melainkan daripada Allah semesta alam”.<sup>50</sup>

Penyerahan diri kepada Allah SWT ertinya menyerahkan segala urusan pada takdir Yang Maha Kuasa iaitu selepas seorang yang bertawakkal menjalani *maqāmāt*; *tawbah*, *zuhd*, *maḥabbah* dan *ṣabr*. Seseorang yang menyerahkan diri sepenuhnya kepada Tuhan meyakini kekuasaan dan kekuatannya sehingga ia tidak merasa cemas dan gelisah terhadap akibat apa pun yang menimpa dirinya. *Tawakkal* sendiri bukanlah bermakna seseorang itu akan bersikap pasif dan bersemangat melarikan diri daripada kenyataan

<sup>47</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *op.cit.*, h.208-209.

<sup>48</sup> Yahya Jaya (1994), *Spiritualisasi Islam Dalam Menumbuhkembangkan Keperibadian dan Kesihatan Mental*. Jakarta: Pustaka Ruhama, h. 169.

<sup>49</sup> Lihat Imam al-Qusyairy al-Naisaburi (1999) *op.cit.*, h. 519.

<sup>50</sup> Al-Kalabadi (1998) *op.cit.*, h.125.

hidup. *Tawakkal* adalah sikap aktif dan tumbuh hanya daripada peribadi yang benar-benar memahami hidup serta menerima kenyataan hidup dengan tepat pula. Permulaan *tawakkal* adalah kesedaran diri bahawa pengalaman peribadi individu tidaklah cukup untuk menemukan hakikat hidup kerana rahsia hidup itu hanya diketahui oleh Allah SWT.<sup>51</sup> Allah berfirman yang bermaksud:

*“Sesungguhnya aku bertawakkal kepada Allah, Tuhanku, Tuhan kamu. Tidak ada sesuatu yang melata (di muka bumi), melainkan Dialah yang menguasainya. Sungguh Tuhanku di atas jalan yang lurus.”*<sup>52</sup>

*“Hukum (keputusan) itu tidak ada melainkan bagi Allah. KepadaNya aku bertawakkal (menyerahkan diri) dan hendaklah bertawakkallah kepadaNya wahai orang-orang yang tawakkal.”*<sup>53</sup>

*“Kepada Allah hendaklah kamu bertawakkal jika kamu orang yang beriman.”*<sup>54</sup>

*“Apabila kamu bercita-cita (sentiasa) berserah dirilah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal itu.”*<sup>55</sup>

*“Ketika dua golongan di antara kamu bercita-cita hendak mundur (melarikan diri) dan Allah wali (memelihara) kedua-duanya dan hanya kepada Allah hendaklah orang-orang beriman menyerahkan diri.”*<sup>56</sup>

*Tawakkal* adalah sebuah proses daripada perjalanan sufi dalam mendekati diri kepadaNya. Penyerahan diri secara benar kepada Tuhan, tidak lain adalah manifestasi daripada keimanan yang terwujud secara benar pula. *Tawakkal* seperti yang disebut dalam al-Qur'an di pelbagai tempat dan bentuk mampu membangun pemahaman kepada makna yang sesungguhnya.

Untuk meluruskan pemahaman terhadap dimensi *tawakkal* ini para sufi mengemukakan beberapa ciri penting iaitu:

- i. *Tawakkal* kepada Allah kerana untuk memperoleh keredhaan hamba dan bahagian dunia, atau untuk menghilangkan hal ehwal yang tidak disukai dan musibah dunia;
- ii. *Tawakkal* kepada Allah untuk menghasilkan apa yang dicintai dan

<sup>51</sup> Nurcholish Madjid (1992), *Islam Doktrin dan Peradaban*. Jakarta: Pustaka Paramadina, h.46.

<sup>52</sup> Hūd 11: 56.

<sup>53</sup> Yūsuf 12: 67.

<sup>54</sup> Al-Mā'idah 5: 23.

<sup>55</sup> Āli 'Imrān 3: 159.

<sup>56</sup> Āli 'Imrān: 122.

diredai Allah berupa keimanan, keyakinan, jihad dan dakwah kepadaNya,<sup>57</sup>

- iii. Menyerahkan diri kepada Allah seperti seorang yang menyerahkan kekuasaannya kepada wakilnya dalam sesuatu perkara setelah dia meyakini kebenaran, kejujuran dan kesungguhan orang itu dalam membelanya;
- iv. Menyerahkan diri kepadaNya seperti anak kecil menyerahkan segala persoalan kepada ibunya;
- v. Menyerahkan diri kepada Allah seperti mayat di tangan orang yang memandikannya.<sup>58</sup>

Namun begitu *tawakkal* bukanlah perkembangan daripada nilai fatalisme tetapi ia merupakan suatu kreativiti diri untuk berebut tujuan iman yang hakiki. Dengan demikian, *tawakkal* adalah realiti psikologi yang diaplikasikan setelah menjalani masa yang panjang menuju Tuhan. Orang bertawakkal akan merasa tenteram dengan janjiNya, merasa cukup dengan pemberian dan pengetahuan yang diberikan kepadanya dan dia juga akan merasa puas dengan kebijaksanaanNya.

## 5. *Maqām Riḍā*

*Riḍā* adalah puncak daripada kecintaan yang diperoleh seorang sufi selepas menjalani proses ‘*ubūdiyyah*’ yang panjang kepada Allah SWT. *Riḍā* merupakan anugerah kebaikan yang diberikan Tuhan atas hambaNya daripada usahanya yang maksima dalam pengabdian dan munajat. *Riḍā* juga merupakan manifestasi amal soleh sehingga memperoleh pahala daripada kebaikannya tersebut. Allah berfirman yang bermaksud:

“Dan (mendapat) tempat-tempat yang bagus di syurga ‘*adn*.”<sup>59</sup>

“Allah redha terhadap mereka dan mereka pun redha terhadapnya.”<sup>60</sup>

“Tidak ada balasan kebaikan kebaikan pula.”<sup>61</sup>

“Dan keredhaan Allah adalah lebih besar.”<sup>62</sup>

---

<sup>57</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *Fawa'id al-Fawa'id*, (terj.) Kathur Sukardi, Jakarta: Pustaka al-Kautsar, h. 61.

<sup>58</sup> M.Khatib Quzwain (t.t), *op.cit.*, h.96-97.

<sup>59</sup> Al-Tawbah: 72.

<sup>60</sup> Al-Māidah: 119.

<sup>61</sup> Al-Raḥmān: 60.

<sup>62</sup> Al-Tawbah: 72.

Bagi al-Ghazālī kelebihan *riḍā* Allah SWT merupakan manifestasi daripada keredhaan hamba.<sup>63</sup> *Riḍā* terikat dengan nilai penyerahan diri kepada Tuhan yang bergantung kepada usaha manusia dalam perhubungan dengan Tuhannya agar sentiasa dekat dengan Tuhannya. Syaikh Abū `Alī al-Daqqāq menyatakan bahawa seorang sufi tidak merasa terbeban dengan hukum dan qadar Allah Ta'ala.<sup>64</sup> Adalah suatu kewajiban bagi seorang sufi untuk rela di atas ketentuan dan qadar Ilahi sesuai *khittah* yang ditetapkan syari'at. *Riḍā* pada prinsipnya adalah kehormatan tertinggi bagi seorang individu sehingga ia dengan sengaja membuka dirinya kepada kebahagiaan di dalam menjalani kehidupan di dunia yang fana' ini. Ibn Khāṭib mengatakan: "*riḍā* adalah tenangnya hati dengan ketetapan (takdir) Allah Ta'ala dan keserasian hati dengan sesuatu yang dijadikan Allah Ta'ala."<sup>65</sup>

Ketenangan hati seorang sufi yang berada dalam *riḍā* membuahkan hasil keraguan, spekulasi diri dalam fantasi dan menerima takdir sebagai ketentuan Tuhan. Dan yang terpenting daripada *riḍā* adalah tidak mengharap syurga dan tidak pula berlindung kepada Allah Ta'ala daripada seksa neraka. Allah menghuraikan tentang tentang *riḍā* ini yang bermaksud:

*"Hai jiwa yang tenang kembali kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi direndhainya. Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hambaKu dan masuklah ke dalam syurgaKu."*<sup>66</sup>

Ada tiga darjat *riḍā* yang disimpulkan:

- i. *Riḍā* secara umum, iaitu *riḍā* kepada Allah sebagai Rabb dan membenci ibadah kepada selainNya. *Riḍā* kepada Allah sebagai Rabb ertinya tidak mengambil penolong selain Allah yang diserahkan kekuasaan untuk menangani dirinya dan menjadi tumpuan keperluannya;
- ii. *Riḍā* terhadap Allah. Dengan *riḍā* inilah dibacakan ayat-ayat yang diturunkan. *Riḍā* terhadap Allah meliputi *riḍā* terhadap qadha dan qadarNya yang merupakan perjalanan orang-orang *khawwās*;
- iii. *Riḍā* dengan *riḍā* Allah. Seorang hamba tidak melihat hak untuk *riḍā* atau marah lalu mendorongnya untuk menyerahkan keputusan

<sup>63</sup> Imam al-Ghazali (1996), *al-Mukasyafat al-Qulub*, (terj.) Ahmad Sunarji, Bandung: Pustaka Husaini, h. 346.

<sup>64</sup> Imam al-Qusyairy al-Naisaburi (1999), *op.cit.*, h.223.

<sup>65</sup> *Ibid.*, h. 225.

<sup>66</sup> Al-Fajr 89:27-30.



dan pilihan kepada Allah. Dia tidak mahu melakukannya sekalipun akan diceburkan ke dalam nyalaan api.<sup>67</sup>

Seorang sufi yang membina dirinya dengan keredhaan kepada Rabbnya mencapai kemanisan iman. Dia akan merasakan bahawa Tuhan dengan *asmā'* dan *ṣifāt* Nya, sentiasa memberikan makna bererti dalam berperilaku dan beramal.

Setidak-tidaknya ada beberapa hal penting dalam membina keredhaan ke dalam diri iaitu:

- i. Seorang sufi akan berada pada sisi hamba yang pasrah, ia akan menerima kepasrahan dengan kesempurnaan hikmah, rahmat dan kurnia;
- ii. Terjadinya sesuatu adalah berdasarkan kehendak Tuhan semata-mata;
- iii. Seorang sufi adalah seorang hamba yang menerima keputusan Tuhannya dengan keredhaan;
- iv. Seorang sufi adalah seorang yang mencintai, ia berbuat apa sahaja untuk Kekasih yang dicintainya;
- v. Seorang sufi akan meyakini keredhaannya terhadap keputusan Tuhannya dan ini akan memberikan reaksi positif bagi pengembangan dirinya;
- vi. Seorang sufi merasakan terbukanya pintu-pintu keredhaan menuju Tuhan yang kemudiannya melahirkan kegembiraan dan kenikmatan.<sup>68</sup>

## 6. *Maqām Maḥabbah*

Secara harfiah *maḥabbah* atau *al-ḥubb* sering diertikan dengan cinta dan kasih sayang. Dalam hal ini *maḥabbah* adalah usaha mewujudkan rasa cinta dan kasih sayang yang ditujukan kepada Allah Ta'ala. *Maḥabbah* juga dapat diertikan sebagai luapan hati dan gejolaknya ketika dirundung keinginan untuk bertemu dengan Kekasih iaitu Allah SWT.<sup>69</sup>

Tasawuf menjadikan *maḥabbah* sebagai tempat persinggahan orang yang berlumba untuk memperoleh cinta Ilahi menjadi sasaran orang-orang

<sup>67</sup> 'Abdullāh al-Anṣārī al-Ḥarāwī (1988), *Kitāb Manāzil al-Sāirīn*. Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah,

<sup>68</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *op.cit.* h. 217-219.

<sup>69</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1418), *Raudah al-Muhibbin wa Nudhah al-Musytaqin*, (terj.) Kathur Suhardi, Jakarta: Pustaka Darel Fatah, h.4.

yang beramal dan menjadi curahan orang-orang yang mencintai Tuhannya. Cinta adalah sesuatu yang membawa orang kepada keredhaan Ilahi. Bagi merealisasikan cinta, orang mudah mengorbankan apa sahaja asal dengan pengorbanan itu dia sampai kepada tujuan cintanya.

Oleh kerana itu cinta sering diertikan sebagai berikut:

- i. Menyukai kepatuhan kepada Tuhan dan membenci sikap melawanNya;
- ii. Menyerahkan seluruh diri (jiwa dan raga) kepada yang dikasihi;
- iii. Mengosongkan hati daripada segala-galanya, kecuali daripada yang dikasihi.<sup>70</sup>

*Mahabbah* atau cinta dalam pengertian di atas memberikan keterangan yang jelas terhadap makna *mahabbah* yang sebenarnya. *Mahabbah* adalah usaha menuangkan segala yang dimiliki untuk mengisinya kembali dengan muatan cinta sehingga hati sarat dengan *mahabbah* yang tidak dicampuri oleh perkara-perkara lain. *Mahabbah* dalam dimensi ini melihat bahawa sesuatu yang dikasihi sebagai sesuatu yang ideal dan paling berhak untuk dicintai dan dikasihi. Sufi terkenal Rābi`ah al-`Adawiyah mengucapkan:<sup>71</sup>

*“Aku mengabdikan kepada Tuhan bukan kerana takut kepada neraka  
Bukan pula kerana masuk syurga  
Tetapi aku mengabdikan kerana cintaku kepadaNya  
Tuhanku, jika kupuja Engkau kerana takut pada neraka  
Bakarlah aku di dalamnya  
Dan jika kupuja Engkau kerana mengharapkan syurga  
Jauhkan aku daripadanya  
Tetapi jika Engkau kupuja semata-mata kerana Engkau  
Maka janganlah sembunyikan kecantikanMu yang kekal itu  
daripadaku.”*

Cinta bagi Rābi`ah bukanlah sekadar menginginkan kepentingan diri, tetapi juga lebih daripada itu di mana beliau mengharapkan keredhaan Allah semata-mata. Allah pernah menyentuh masalah cinta ini di dalam al-Qur`an di mana ada di antara manusia yang tegar menyembah dan mencintai selain daripadaNya sedangkan Allah sahaja yang berhak disembah dan dicintai. Allah menghuraikan perkara tersebut dalam firmanNya yang bermaksud:

---

<sup>70</sup> Harun Nasution (1993), *op.cit.*, h. 70.

<sup>71</sup> *Ibid.*, h. 72.

*“Adapun orang-orang yang beriman amat sangat cintanya kepada Allah. Dan jika seandainya orang-orang yang berbuat zalim itu mengetahui ketika melihat seksa (pada hari kiamat). Sesungguhnya kekuasaan itu kepunyaan Allah semuanya, dan bahawa Allah amat berat seksanya (nescaya mereka menyesal).”<sup>72</sup>*

Cinta yang dimaksudkan oleh Allah dalam ayat di atas adalah cinta yang sebenarnya; bahawa orang-orang yang beriman sangat mencintai Allah dibandingkan kecintaan terhadap selainNya. Cintanya itu benar-benar utuh dan tidak berbelah bahagi serta tidak bercampur dengan selainNya.

Cinta mendatangkan kebutaan dan ketulian, cinta membutakan segala kecuali terhadap yang dicintai sehingga orang itu tidak melihat apa pun kecuali Dia.<sup>73</sup> Cinta membuat telinga tuli, tidak mendengar sesuatu pun di mana dia hanya mendengar ungkapan dan ucapan-ucapan dari yang dicintaiNya.

Cinta dalam hal ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Mencintai Allah merupakan kesempurnaan cinta dan tuntutan cinta;
- ii. Mencintai kerana Allah, mengharuskan cinta untuk mencintai apa yang dicintai oleh Kekasihnya itu dan mencintai sesuatu yang boleh membantu cintanya untuk membawanya kepada keredhaanNya dan mendekatiNya;
- iii. mencintai sesuatu bersama Allah adalah cinta yang berbentuk syirik yang memasukkan hal-hal lain ke dalam muatan cinta.<sup>74</sup>

Cinta sejati menghalang semua alternatif buruk yang merugikan terhadap kewujudan cinta tersebut. Bagi pencinta sejati, hanya satu keagungan, satu kemuliaan, satu keperkasaan dan satu kekasih yang ditujui oleh mereka. Mereka mengagungkanNya kerana Dia memang Agung. Mereka memuliakanNya kerana Dia memang Maha Mulia dan Dialah yang paling berhak untuk dikasihi.

## **7. *Maqām Ma`rifah***

*Ma`rifah* (*‘arafa-ya`rifu-ma`rifatan*) secara etimologi bererti mengenal, mengetahui dan kadangkala juga boleh diertikan dengan menyaksikan. Istilah dalam *ma`rifah* tasawuf sering dikonotasikan kepada panggilan

<sup>72</sup> Al-Baqarah 2: 165.

<sup>73</sup> Al-Kalabadhi (1998), *op.cit.*, h. 128.

<sup>74</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1418), *op.cit.*, h.245.

hati melalui pelbagai-bagai bentuk tafakur untuk menghayati nilai-nilai kerinduan, (*al-shawq*) yang terhasil dari kegiatan zikir, sesuai dengan tanda-tanda pengungkapan (hakikat) yang berterusan. Maksudnya hati menyaksikan kekuasaan Tuhan dan merasakan besarnya kebenarannya dan mulia kehebatannya yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Dari aspek lain *ma`rifah* juga bererti mengetahui apa sahaja yang dibayangkan dalam hati tanpa menyaksikan sendiri keadaannya berdasarkan pengetahuan Tuhan.<sup>75</sup>

*Ma`rifah* dalam spiritual Islam menjadi isi penting sebagai pengukuran nilai-nilai *ilāhiyyah* (Ketuhanan) kerana *ma`rifah* ini adalah tingkat tertinggi daripada pendekatan-pendekatan yang dilakukan manusia untuk mengenali Tuhan. Seorang sufi merasa dirinya dekat dengan Tuhan tanpa batasan. Ia meyakini bahawa dirinya selalu dipimpin oleh Tuhan. Oleh itu, dia akan menjaga dan memelihara dirinya supaya tetap berada dalam ketaatan, keimanan dan beramal soleh.

Para sufi menyebut *ma`rifah* sebagai suatu pengetahuan yang dengannya seseorang sufi dapat mengetahui Tuhan dari dekat sehingga hati sanubarinya dapat melihat Tuhan. Oleh kerana itu mereka mengatakan:

- i. kalau mata yang terdapat dalam hati sanubari manusia terbuka, mata kepalanya akan tertutup dan ketika itu yang dilihatnya hanyalah Allah;
- ii. apabila dia melihat cermin yang dilihatnya juga adalah Allah;
- iii. ketika bangun mahupun tidur yang dilihatnya ialah Allah;
- iv. Allah tidak boleh dilihat dengan mata fizikal kerana sesuatu yang berbentuk material tidak akan sanggup melihat keindahan dan kecantikan Allah.<sup>76</sup>

Pada prinsipnya *ma`rifah* dalam *tazkiyyah al-nafs* adalah sebuah intuisi bawah sedar manusia yang diperolehnya hasil daripada ketajaman mata hati setelah menjalani tahap-tahap dan latihan-latihan kerohanian secara optimal. Melalui perjalanan yang panjang ini, Allah dengan rahmatNya memberikan *ma`rifah* tersebut kepada mereka yang sanggup menerimanya. Para sufi membahagi *ma`rifah* kepada tiga tahap dalam usaha untuk mengenali manusia yang terlibat dengan *ma`rifah* ini iaitu:

---

<sup>75</sup> Al-Kalabadhi (1998), *op.cit.*, h. 172.

<sup>76</sup> Harun Nasution (1993), *op.cit.*, h.76.

- i. *ma`rifah* sebagai sifat dan ciri di mana *ma`rifah* ini muncul sebagai hasil daripada kesaksian terhadap ciptaanNya. Sifat dapat dibezakan dari ciri tersebut bahawa ciri-ciri disertai dengan perbuatan yang baru sedangkan sifat merupakan perkara yang tetap bagi zat. Sifat yang berhubungan dengan zat tidak boleh dijelaskan dengan istilah ciri seperti tangan, wajah dan kaki. Manakala sifat merupakan makna yang meliputi apa yang disifatkan sehingga wajah tidak boleh disebut sebagai sifat. Ciri adalah sesuatu yang muncul daripada sifat dan sangat menonjol serta yang diketahui orang khusus mahupun awam;
- ii. *ma`rifah* zat iaitu dengan menggugurkan perbezaan antara sifat dan zat yang boleh menguatkannya dengan ilmu yang terpadu sehingga menjadi jernih dalam medan kefana`an;
- iii. *ma`rifah* yang tenggelam di dalam kemurnian pengetahuan yang tidak boleh dicapai dengan pembuktian, kesaksian dan *wasīlah* (perantara).<sup>77</sup>

Berasaskan tahap-tahap *ma`rifah* tersebut seorang awam tidaklah sama dalam memahami *ma`rifah* dengan apa yang difahami oleh orang-orang *khawwāsh* kerana perbezaan pemahaman dan *ta`wīl*. Dengan demikian orang awam mahupun *khawwāsh* adalah sama dalam mencari nilai yang dikandungi *ma`rifah* kerana *ma`rifah* merupakan usaha mereka dalam mendekati diri kepada Tuhan dengan kesimpulan bahawa Allah akan melihat segala tindakan dan perbuatan mereka termasuk perbuatan-perbuatan yang tersembunyi.

## **AL-AHWĀL DALAM SUFISME**

Bahagian ini akan menerangkan tentang *al-ahwāl* iaitu pemberian rasa *khawf*, *tawāḍu`*, *taqwā*, *ikhlas*, *shukr* dan *mutma`innah* di dalam diri seorang sufi. Anugerah spiritual bermakna ianya tidak boleh diperolehi melainkan dianugerahkan Allah hasil daripada ketaatan dan ibadah yang berterusan. Seorang sufi melakukan ketaatan dan ibadah yang berterusan akan menerima anugerah spiritual seperti rasa *khawf*, *tawāḍu`*, *ikhlas*, *taqwā*, *shukr* dan *mutma`innah* di dalam dirinya. Seorang sufi memperolehinya tanpa disedarinya bahawa anugerah tersebut sudah melekat pada dirinya.

### **1. Ahwāl dalam Khawf (Takut)**

*Khawf* dalam tasawuf bermaksud hadirnya perasaan takut ke dalam diri seorang *sālik* (orang yang menuju Tuhan) kerana dihantui oleh perasaan dosa

---

<sup>77</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *op.cit.*, h. 449-452.

dan ancaman yang akan menyimpannya. Seorang yang berada dalam *khawf* akan merasa lebih takut kepada dirinya sendiri sama sebagaimana ketakutannya kepada musuhnya. Saat *khawf* menghampirinya ia merasa tenteram dan tenang kerana kondisi hatinya yang semakin dekat dengan Tuhan. Perasaan *khawf* akan menghalangnya melarikan diri daripada Tuhannya. Dia juga merasa takut terhadap ancaman dan hukuman Tuhannya, oleh itu dia akan sentiasa memenuhi masanya dengan berzikir dan berdoa agar terlindung daripada azabNya. Zikir dan doanya yang khusus disebabkan rasa ketakutan tersebut akan menjaga dan menjadikannya tenteram. Allah berfirman yang bermaksud:<sup>78</sup>

*“Mereka kembali kepada Tuhan mereka dengan penuh rasa takut (khawf) dan harap.”*

Seorang yang memiliki perasaan *khawf* kepada Tuhan akan menghilangkan perasaan *khawf* terhadap perkara-perkara lainnya. Dia takut kepada Tuhannya, bukan demi dirinya sendiri melainkan merasa takzimnya kepada Tuhan.<sup>79</sup> Apabila *khawf* menetap dalam hati seseorang, maka objek nafsu habis terhakis dan keinginan terhadap dunia akan terusir. *Khawf* akan mengendali hatinya menuju Tuhannya yang satu. Pada saat kondisi hati berada dalam *khawf* kepada Allah, dia akan mendekati keagungan dan kemuliaanNya.

Takut merupakan tempat persinggahan yang amat penting dan paling bermanfaat bagi hati.<sup>80</sup> Hati akan menjadi tenang, tenteram dan damai. Dalam ketakutan seseorang sufi melakukan pelbagai ketaatan kerana kkuatir amalannya tidak diterima Tuhannya. Allah berfirman yang bermaksud:<sup>81</sup>

*“Sesungguhnya orang-orang yang berhati-hati kerana takut akan (azab) Rabb mereka, dan orang-orang yang beriman terhadap ayat-ayat Rabb mereka, dan orang-orang yang mempersekutukan dengan Rabb mereka (sesuatu apa pun) dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan dengan hati yang takut (kerana mereka tahu bahawa) sesungguhnya mereka akan kembali kepada Rabb mereka, mereka itu bersegera untuk mendapatkan kebaikan-kebaikan dan merekalah orang-orang yang segera memperolehnya.”*

---

<sup>78</sup> Al-Sajadah 32:16.

<sup>79</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *op. cit* h.129.

<sup>80</sup> *Ibid.*

<sup>81</sup> Al-Mu'minūn 23:61.

## 2. *Ahwal* dalam *Tawaddu`* (Kerendahan Hati)

*Tawaddu`* adalah perasaan yang selalu muncul dalam diri seorang sufi hasil daripada penghampirannya dengan Allah. Ia merasa senang dan tenteram bersama Tuhan di samping ia menjadi tegar dalam menghadapi perkara buruk yang menyimpannya dan dia pula tidak pernah pasrah. Namun ia menggunakan kesenangan dan ketenteraman perasaannya sebagai penggerak dalam tindakannya. Seorang sufi tersebut akan meninggalkan sifat bongkak dan sombong untuk memastikan hatinya bersih dari sifat-sifat tercela. Allah berfirman yang bermaksud:<sup>82</sup>

*“Hamba-hamba Yang Maha Pengasih, dialah orang-orang yang berjalan di muka bumi dengan tenang (tidak sombong) jika mereka dicela oleh orang-orang yang (jahil) mereka berkata selamat.”*

Nabi s.a.w. mengingatkan bahawa:

*“Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepada-ku, agar kalian rendah hati, hingga seseorang tidak membanggakan diri terhadap yang lain dan seseorang tidak berbuat aniaya terhadap yang lain.”*<sup>83</sup>

*“Tidak akan masuk syurga orang yang dalam hatinya ada kesombongan meskipun seberat zarah.”*<sup>84</sup>

*Tawaddu`* sebenarnya adalah kerendahan hati seorang hamba (ketundukan) terhadap kebenaran dan kekuasaannya.<sup>85</sup> *Tawaddu`* juga merupakan kepasrahan kepada kebenaran dengan mematuhi bahawa *tawaddu`* itu adalah merendahkan sayap terhadap semua makhluk dan bersikap lembut kepada mereka.

Merendahkan sayap tersebut bermaksud meninggalkan kesombongan untuk mewujudkan persamaan di mana tidak ada perbezaan antara seseorang manusia dengan lainnya; kecuali dengan ketakwaan. Sikap *tawaddu`* yang terbenam dalam hati seorang Muslim adalah suatu usaha untuk menghindari sifat tamak (haloba), bongkak dan sombong.

Syaikh al-Islām ‘Abdullāh al-Anṣārī mengatakan *tawaddu`* mempunyai tiga tahap iaitu:

<sup>82</sup> Al-Furqān 25:63.

<sup>83</sup> Muslim Imām Abī Husayn Muslim Ibn-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Nāysabūrī (t.t), *Sahīḥ Muslim*, II, Istanbul: Cagry Yain Lari, h. 670.

<sup>84</sup> *Ibid.*, h. 673.

<sup>85</sup> ‘Abdullāh al-Anṣārī al-Ḥarāwī (1988), *op. cit.*, h. 60.

- i. *tawaddu`* kepada agama, iaitu tidak menentanginya dengan pemikiran dan penukilan, tidak menolak dalil agama dan tidak berfikir untuk menyangkalnya;
- ii. meredhai seorang Muslim sebagai saudara sesama hamba Allah meredhai dirinya, tidak menolak kebenaran sekalipun datang daripada musuh dan menerima permohonan maaf daripada orang yang meminta maaf;
- iii. tunduk kepada kebenaran (Allah) dengan melepaskan pendapat dan kebiasaan dalam mengabdikan tidak melihat hak dalam mu'amalah.<sup>86</sup>

Seorang sufi menyifatkan *tawaddu`* dengan merendahkan hati, menjalankan perintah dan menjauhi laranganNya di mana semua aktivitiNya itu diwarnai dengan nilai kebenaran serta menolak sifat-sifat yang mengotorinya dan meninggalkan kesombongan diri.

### 3. *Aḥwāl* dalam *Taqwā* (Pemeliharaan Diri)

*Taqwā* adalah satu sifat yang dinisbahkan kepada orang yang patuh, taat dan *ṣabr* terhadap perintah Allah serta memelihara dirinya daripada tergelincir ke dalam perkara-perkara yang buruk. *Taqwā* dalam pengertian umum dapat dikatakan: "Memelihara diri dan tetap menjaganya dengan melaksanakan ketaatan dan amal soleh". *Taqwā* merupakan ketua bagi seluruh kebaikan dan hakikatnya adalah seseorang melindungi dirinya daripada hukuman Tuhan dengan ketundukan kepadaNya. *Taqwā* adalah usaha penjagaan daripada tergelincir ke dalam syirik, dosa dan kejahatan, serta hal-hal yang *shubhat* (diragui tentang halal dan haramnya).<sup>87</sup> Al-Marāghī mendefinisikan *taqwā* dengan menjaga diri daripada hukuman dan kemurkaan Allah dengan cara tidak melakukan maksiat kepadaNya.<sup>88</sup>

Dalam tasawuf *taqwā* merupakan kondisi batin yang terpelihara dan berada dalam penjagaan dan pemeliharaan diri dengan sebab ketaatan dan kesolehan seseorang kepada Tuhannya. Pemeliharaan diri daripada nilai negatif melahirkan suatu kondisi "*Bāḥiniyyah latīfah Rabbāniyyah*" iaitu suatu keadaan psikologi yang lembut yang berisi nilai ketuhanan yang kukuh sehingga ia memperoleh ketenangan dan kebahagiaan. Ketakwaan pada hakikatnya adalah pengendalian diri dan emosinya daripada menurut kecenderungan hawa nafsunya. Seseorang yang memiliki *taqwā*, akan sentiasa berlaku benar, adil, amanah dan mempunyai hubungan yang baik

---

<sup>86</sup> *Ibid.*, h. 60-61.

<sup>87</sup> Imam al-Qusyairy al-Naisaburi (1999), *op.cit.*, h. 97.

<sup>88</sup> Muhammad Musthafa al-Maraghi (1985), *op. cit.*, VI, h. 121.



dengan lingkungannya.<sup>89</sup> Ketakwaan bukanlah kondisi batin yang hadir secara tiba-tiba, tetapi lebih daripada anugerah, taufiq dan hidayah daripada Allah kepada hambaNya yang taat dan beramal soleh.

#### 4. *Aḥwāl* dalam *Ikhhlās* (Ketulusan)

*Ikhhlās* merupakan hal yang sangat prinsip dalam ibadat. *Ikhhlās* adalah tindakan dan perbuatan murni yang tidak dicampuri oleh perkara-perkara lain. Secara etimologi, *ikhhlās* sering diertikan dengan kemurnian yang tidak dicampuri hal yang menjadi tujuan. Dalam ajaran sufi keikhlasan adalah suatu yang diperlukan untuk mendekati diri kepada Allah sama ada dari sudut niat mahupun tindakan. Seorang sufi membersihkan amal perbuatannya daripada ‘*ujub, riyā’*, *ḥubb al-dunyā*, *ḥasad*, *takabbur* dan sebagainya dengan mengerjakan amal soleh semata-mata kerana Allah maka dia disebut sebagai seorang *mukhlis* (beramal dengan penuh keikhlasan) dan perbuatannya itu adalah *ikhhlās*.<sup>90</sup>

Jadi *ikhhlās* merupakan sesuatu hal yang bersifat batiniyah dan teruji kemurniannya dengan amalan soleh. Ia merupakan perasaan halus yang tidak dapat diketahui oleh sesiapaupun. Amal perbuatan adalah bentuk-bentuk lahiriyah yang boleh dilihat sedangkan roh amal perbuatan itu adalah rahsia iaitu keikhlasan. Allah berfirman yang bermaksud:<sup>91</sup>

*“Kepada Engkau sahaja, kami menyembah dan kepada Engkau sahaja kami memohon pertolongan.”*

Keikhlasan, apabila ditinjau dalam bentuk realiti amalan, maka ia dapat dibahagi kepada tiga peringkat, iaitu:

- i. tidak melihat amalan sebagai amalan semata-mata iaitu tidak mencari balasan daripada amalan dan tidak puas terhadap amalan;
- ii. malu terhadap amalan di samping sentiasa berusaha sekuat tenaga menjaga amalan dengan sentiasa dan tetap menjaga kesaksian serta memelihara cahaya taufiq yang dipancarkan oleh Allah SWT;
- iii. memurnikan amalan dengan melakukan amalan berasaskan ilmu serta tunduk kepada kehendak Allah.<sup>92</sup>

Keikhlasan bukanlah hal yang statik yang sekali wujud akan sentiasa bertahan selamanya di dalam diri manusia. Ia adalah suatu yang dinamis yang sentiasa

<sup>89</sup> Uthman Najati (1985), *op.cit.*, h. 305.

<sup>90</sup> M. Khatib Quzwain ((t.t), *op.cit.*, h. 94-95.

<sup>91</sup> Al-Fātiḥah 1:5.

<sup>92</sup> ‘Abdullāh al-Anṣārī (1988), *op.cit.*, h.40-41.

menuntut kesungguhan pemeliharaan dan peningkatan.<sup>93</sup> Keikhlasan menjadi langkah bagi manusia untuk menumbuhkembangkan potensi sedia ada yang akan memberi kesan kepada amalan dan teruji dalam kualiti mahupun kuantiti.

## 5. *Aḥwāl* dalam *Shukr*

*Shukr* atau bersyukur bererti berterima kasih. Dalam kehidupan sehari-hari orang sering mengatakan “mari bersyukur” atau “bersyukurlah” ertinya berterima kasih terhadap sesuatu nikmat atau suatu pemberian. Dalam tasawuf *shukr* memiliki makna yang indah di samping mengenali pemberi nikmat ia juga harus mengakui nilai yang terdapat pada *shukr* tersebut. *Shukr* itu boleh diwujudkan dalam bentuk lisan atau dalam hati. *Shukr* dengan lisan dapat dipraktikkan berupa “pengakuan” terhadap anugerah yang diberi dalam bentuk keredhaan, manakala *shukr* dengan hati berupa ketenteraman dan kedamaian yang diperoleh dengan mewujudkan perbuatan mulia secara rutin.

Allah menamakan diriNya *al-Shākir* dan *al-Shakūr* dan juga menamakan orang yang bersyukur itu dengan dua nama ini. Dalam hal ini Allah menyifatkan manusia yang bersyukur dengan sifatNya dan memberikan nama kepada mereka dengan namaNya. Allah memberikan anugerah dan kurnia kepada orang-orang yang bersyukur tetapi sedikit sekali di antara manusia (hamba-hamba Tuhan) yang bersyukur kepadaNya.<sup>94</sup>

Menjadi seorang *al-Shākir* dan bersifat dengan sifat Tuhan terasa agak berat tanpa kapasiti dan muatan iman dan tauhid. Munculnya sifat *shukr* dalam diri manusia merupakan kesan daripada kesedaran manusia terhadap rahmat dan kurnia yang diterimanya daripada Allah SWT. Hadirnya sifat ini ke dalam diri akan kelihatan positif terhadap kewujudan integriti diri dengan Allah dan lingkungannya. Mereka ini akan selalu berada dalam ketaatan dan kesolehan yang padu.

‘Abdullāh al-Anṣārī menyebut tiga peringkat *shukr* iaitu:

- i. mensyukuri hal-hal yang disukai. Ini merupakan *shukr* yang boleh dilakukan oleh umat Islam, Yahudi dan Majusi. Kekuasaan merupakan rahmat Allah yang wajib disyukuri dan boleh dianggap sebahagian daripada *shukr*, menjanjikan tambahan dan memberikan pahala;
- ii. *shukr* kerana mendapatkan sesuatu yang dibenci. Ini boleh dilakukan oleh mereka yang tidak terpengaruh oleh pelbagai keadaan dan hal

<sup>93</sup> Nurcholish Madjid (1992), *op.cit.*, h. 50.

<sup>94</sup> Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah (1998), *op.cit.*, h.236.

ehwal dunia dengan tetap memperlihatkan keredhaan, menahan marah, tidak mengeluh, memperlihatkan adab yang baik. Orang yang bersyukur seperti inilah yang pertama kali dipanggil masuk syurga;

- iii. hamba yang tidak mempersaksikan kecuali Pemberi Nikmat. Jika dia mempersaksikannya kerana *'ubūdiyyah*, maka dia menganggap nikmat daripadanya itu amat agung. Jika dia memperhatikan dan menyaksikannya kerana cinta maka kesusahannya akan terasa manis. Jika dia mempersaksikannya kerana mengEsakannya, maka dia tidak mempersaksikan apa yang datang daripadanya sebagai nikmat atau kesusahan.<sup>95</sup>

#### 4. *Aḥwāl* dalam *Muṭma'innah* (Ketenangan)

*Muṭma'innah* atau *ṭama'nīnah* merupakan satu kesan terhadap batin di mana ia berada dalam tenteram kerana selalu dekat dengan Tuhan. Allah berfirman yang bermaksud:

*“Iaitu orang-orang yang beriman dan tenteram hatinya dengan mengingat Allah. Ingatlah, bahawa dengan mengingat Allah itu, tenteramlah segala hati.”*<sup>96</sup>

*“Hai nafsu (jiwa yang tenang (suci). Kembalilah kepada Tuhanmu dengan (hati) riḍā dan diredhai (Tuhan). Maka masuklah kamu dalam golongan hamba-hambaKu. Dan masuklah kamu ke dalam syurgaKu.”*<sup>97</sup>

Sebenarnya *muṭma'innah* seiring dengan hilangnya kecemasan, ketegangan dan kegelisahan dalam hati. Hati yang *muṭma'innah* dianugerahkan dengan rasa aman sehingga ia tidak merasa diburu oleh kehidupan kebendaan (material) yang mempengaruhi perkembangan jiwa positifnya.

Dalam tasawuf *muṭma'innah* dinisbahkan kepada *al-aḥwāl* iaitu kondisi psikologi yang tenteram dengan mengingati Allah (*dhikr ilā Allah*), mengerjakan amal soleh dan *bettaqarrub* (mendekatkan) kepadanya.

Menurut 'Abdullāh al-Anṣārī, *muṭma'innah* dapat dibahagi kepada beberapa bahagian iaitu:

<sup>95</sup> 'Abdullāh al-Anṣārī (1998), *op.cit.*, h. 53-54.

<sup>96</sup> Al-Ra 'd 13:28.

<sup>97</sup> Al-Fajr 89:27-28.

- i. *muṭma'innah* hati kerana menyebut *asmā'* Allah. Ini merupakan *muṭma'innah* orang yang takut (*khawf*) beralih kepada harapan daripada kegelisahan kepada hukum dan daripada cubaan kepada pahala;
- ii. *muṭma'innah* iaitu ketika mencapai tujuan pengungkapan hakikat, saat merindukan janji dan saat berpisah untuk berkumpul kembali;
- iii. *muṭma'innah* kerana menyaksikan kasih sayang Allah, *muṭma'innah* kebersamaan menuju *baqā'* dan *muṭma'innah* kedudukan menuju cahaya azali.

## PENUTUP

Kajian tentang *al-maqāmāt* dan *al-aḥwāl* dalam sufisme bukanlah kajian baru, malah ia merupakan kajian klasikal Islam yang lebih spesifik dalam hal spiritual Islam. Seorang sufi apabila mencapai suatu *maqām* ianya merasakan kenikmatan-kenikmatan dengan dekatnya diri kepada Yang Maha Kuasa. Ia bahkan boleh merasakan nikmatnya bertemu dalam berkontemplasi dan berkhalwat dengan Tuhannya. Bagi seorang sufi yang berkontemplasi, ia merasakan bahawa itu adalah usaha gigih seseorang *sālik* dalam menemui Tuhannya.

Bagi seseorang sufi, *al-maqāmāt* dan *al-aḥwāl* adalah usaha *bertaqarrub* kepada Maha Pencipta. Daripada *al-maqāmāt* dan *al-aḥwāl* inilah lahir pancaran sinar dan pencerahan hati seorang sufi menjadi seorang insan yang selalu berta`*abbud* kepada Allah. Usaha-usaha inilah juga yang menjadikan seorang sufi mencapai *tazkiyyah al-nafs*.